

Zurich Malaysia Lancar Kempen Jenama “Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna” sebagai Komitmen untuk Membina Masa Depan Yang Lebih Cerah Bersama-sama

Kuala Lumpur, 4 September 2023 – Zurich Malaysia hari ini mengumumkan kempen jenama terbaharunya, ‘Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna, yang mengukuhkan komitmennya untuk membina masa depan yang lebih cerah melalui impak positif.

Kempen jenama ‘Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna’ merangkumi pelbagai inisiatif yang memberi impak yang mengukuhkan komitmen Zurich Malaysia atas dasar tanggungjawab terhadap perkara yang benar-benar penting. Selain daripada filem kempen jenama, inisiatif utama lain adalah ‘Karnival Kita OK!’ yang bakal berlangsung hujung minggu dari 22 hingga 24 September di Pasar Seni. Acara ini menawarkan pelbagai bengkel dan gerai, yang terdiri daripada para penjual dan organisasi tempatan, termasuk pakaian, aksesori, makanan, dan lain-lain. Acara ini mencerminkan dedikasi Zurich Malaysia yang saling membantu satu sama lain dan menyumbang kepada masa depan yang lebih cerah bersama-sama.

Pengunjung Karnival Kita OK! turut berpeluang melihat pameran gambar ‘Zurich Cares’, sebuah projek pemuliharaan dan pemulihan hutan oleh Zurich Malaysia yang terlibat secara aktif untuk melindungi spesies-spesies pokok terancam di Merisuli, Sabah serta menyelamatkan mereka daripada kepupusan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Zurich Malaysia, Junior Cho, “Kami sangat yakin tindakan kami hari ini akan membuka masa depan yang lebih cerah. Kempen jenama “Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna” merupakan lanjutan daripada usaha berterusan kami untuk menyokong dan menjaga rakyat daripada segenap lapisan masyarakat. Ia menzahirkan keazaman kami untuk mencorak masa depan yang lebih cerah bagi rakyat Malaysia, yang bukan sahaja bersiap sedia dari segi kewangan, tetapi juga bertanggungjawab dari segi sosial dan alam sekitar.”

Program Daya Tahan Iklim Bandar

Sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap bumi ini, Zurich Malaysia turut mengumumkan pelancaran ‘Program Daya Tahan Iklim Bandar’ dan memperkenalkan pihak yang berkongsi matlamat bersama untuk menangani isu iklim dan membina daya tahan iklim dalam komuniti bandar.

Tambah Cho lagi, “Kami sangat teruja untuk melancarkan Program Daya Tahan Iklim Bandar di Malaysia dan mengumumkan satu kerjasama sepanjang tiga tahun yang selaras dengan cita-cita kemampuan Zurich serta teras kempen jenama kami. Melalui kerjasama langsung dengan Yayasan Z Zurich dan rakan-rakan kongsi global yang dilantik, C40 Cities Climate Leadership Group (C40) bakal bergabung tenaga dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), manakala Resilient Cities Network (R-Cities) akan berganding tangan dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).”

Datuk Kamarulzaman Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur, berkata, “Kuala Lumpur semakin menghadapi kesan buruk akibat panas melampau dan banjir yang semakin kerap. Sebagai pihak berkuasa tempatan, saya menyedari pentingnya DBKL bertindak segera bagi memastikan hari esok yang lebih selamat dan berdaya tahan, terutamanya bagi penduduk yang paling terdedah. Di Kuala Lumpur, kami sentiasa merancang jauh ke hadapan dalam membina masa depan di mana semua orang boleh berkembang maju walaupun iklim berubah. Selaras dengan ini serta semangat Malaysia Madani, DBKL berbesar hati untuk menjalin kerjasama dengan C40 dan Yayasan Z Zurich untuk mengukuhkan lagi daya tahan iklim bandar kami melalui Program Daya Tahan Iklim Bandar, yang akan dilaksanakan dengan penglibatan komuniti yang mendalam di kawasan kejiranan terpilih dalam bandar kami.”

Datuk Hj. Shadan Hj. Othman, Datuk Bandar Melaka, berkata, “Sebagai bandar bersejarah dengan status Warisan Dunia UNESCO, kami sedar akan pentingnya membina daya tahan komuniti untuk memastikan warisan budaya kami terus berkembang dalam menghadapi cabaran iklim. Oleh itu, dengan semangat

Siaran Akhbar

4 September 2023



yang tinggi, Bandaraya Melaka menyertai Program Daya Tahan Iklim Bandar yang baharu ini. Saya berharap dapat bekerjasama rapat dengan Resilient Cities Network dan Yayasan Z Zurich untuk mencipta masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk komuniti kami, bandar kami, dan negara kita.”

Objektif program ini adalah untuk membina komuniti yang mampan dan berdaya tahan, serta mampu bertahan, pulih daripada, dan berkembang maju dalam menghadapi bencana berkaitan iklim. Zurich Malaysia berazam untuk menjadi peneraju yang membawa perubahan bermakna kepada penyelarasan sistem di bandar-bandar terpilih di Malaysia, bagi memastikan sokongan yang lebih baik kepada mereka yang terdedah.

Untuk maklumat lanjut tentang kempen jenama #LindungiSegalaPerkaraYangBermakna serta pendekatan holistik Zurich Malaysia dalam membina hari esok yang lebih cerah bersama-sama, sila layari www.zurich.com.my/CareForWhatMatters.

Untuk maklumat lanjut tentang pelan Insurans dan Takaful Zurich Malaysia yang terkini, sila layari www.zurich.com.my.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.

Tentang Yayasan Z Zurich

Yayasan Z Zurich bekerjasama dengan warga kerja Kumpulan Zurich Insurance, pihak berkepentingan yang lain, serta kerajaan dan NGO ke arah mewujudkan masa depan agar semua orang mampu berkembang maju dalam menghadapi krisis iklim yang semakin meningkat, agar mereka yang dibebani tekanan hidup diperkasakan dan dapat berkongsi pendapat, agar golongan terpinggir dalam masyarakat mampu mencapai potensi penuh mereka.

Yayasan Z Zurich adalah yayasan amal berpangkalan di Switzerland yang ditubuhkan oleh ahli-ahli Kumpulan Zurich Insurance. Ia merupakan saluran utama yang digunakan oleh Kumpulan Zurich Insurance untuk melaksanakan strategi pelaburan komuniti globalnya.

Layari laman web Yayasan Z Zurich untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai usahanya: <https://zurich.foundation>. Ikuti Yayasan Z Zurich di [LinkedIn](#), [Twitter](#), [Facebook](#), [Instagram](#) dan [YouTube](#).

About Resilient Cities Network

Resilient Cities Network (R-Cities) is the world's leading urban resilience network. It brings together global knowledge, practice, partnerships, and funding to empower its members to build safe and equitable cities for all. Its unique city-led approach ensures cities drive the agenda to benefit the communities they serve. At work in nearly 100 cities worldwide, the Resilient Cities Network supports on-the-ground projects and solutions to build climate resilient, circular and equitable cities while also facilitating connections and information-sharing between communities and local leaders. For more information, please visit <https://resilientcitiesnetwork.org/>

About Resilient Cities Network

Siaran Akhbar

4 September 2023



Resilient Cities Network (R-Cities) is the world's leading urban resilience network. It brings together global knowledge, practice, partnerships, and funding to empower its members to build safe and equitable cities for all. Its unique city-led approach ensures cities drive the agenda to benefit the communities they serve. At work in nearly 100 cities worldwide, the Resilient Cities Network supports on-the-ground projects and solutions to build climate resilient, circular and equitable cities while also facilitating connections and information-sharing between communities and local leaders. For more information, please visit <https://resilientcitiesnetwork.org/>.

About C40 Climate Change Leadership Group

C40 is a network of nearly 100 mayors of the world's leading cities working to deliver the urgent action needed right now to confront the climate crisis and create a future where everyone, everywhere can thrive. Mayors of C40 cities are committed to using a science-based and people-focused approach to help the world limit global heating to 1.5°C and build healthy, equitable and resilient communities. Through a Global Green New Deal, mayors are working alongside a broad coalition of representatives from labour, business, the youth climate movement and civil society to go further and faster than ever before.

The current Chair of C40 is Mayor of London Sadiq Khan; three-term Mayor of New York City Michael R. Bloomberg serves as President of the Board. C40's work is made possible by our three strategic funders: Bloomberg Philanthropies, Children's Investment Fund Foundation (CIFF) and Realdania.

To learn more about the work of C40 and our cities, please visit [our website](#), or follow us on [Twitter](#), [Instagram](#), [Facebook](#) and [LinkedIn](#).

About Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) or Kuala Lumpur City Hall, is the governing body for the capital city of Malaysia, Kuala Lumpur. As the local authority, DBKL strives to provide a sustainable and resilient city for all by promoting physical and socio-economic development programmes, development control, and enhanced municipal services with excellence city governance. For more information, please visit www.dbkl.gov.my.

About Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) or Melaka Historic City Council, is the governing body entrusted with the development, preservation, and administration of the historic city of Melaka, Malaysia. MBMB's mandate is to safeguard and promote the unique cultural, historical, and architectural heritage of Melaka while ensuring the city's sustainable growth, resilient, dynamic, smart and prosperity. MBMB will continue to improve its quality of service towards residents of Melaka and tourists, with the vision to lead the world class cosmopolitan city.